

01 JAN 2003

Mahathir-Selamat/I

'TIADAPUN PENGGANAS DI KLCC', KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia terbukti sebuah negara yang selamat dan telah menyambut pelbagai perayaan tanpa kejadian tidak diingini.

"Malaysia menyambut perayaan seperti Hari Raya dan Krismas serta Tahun Baru secara aman. Saya tercari-cari juga pengganas semasa sambutan Tahun Baru di KLCC (malam tadi) tetapi saya tidak nampak seorangpun," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Parti Progresif Penduduk (PPP) di PWTC hari ini.

Perdana Menteri berkata ribuan orang daripada pelbagai bangsa, warganegara dan agama berkumpul di tempat-tempat awam untuk menyambut perayaan-perayaan ini dan merupakan satu peluang bagi pengganas jika mereka hendak untuk bertindak jahat.

"Tetapi tiada apa yang berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana orang ramai merasa selamat di Malaysia dan tidak bimbang tentang kemungkinan serangan pengganas.

Perdana Menteri berkata beliau tidak faham kenapa dakwaan dibuat kononnya Malaysia sebuah negara tidak selamat.

Malahan, katanya, di negara-negara maju, orang ramai takut lebih banyak serangan pengganas akan berlaku akibat daripada pergolakan di luar negara-negara itu.

Ketika ditanya tentang azam tahun barunya, Dr Mahathir berkata beliau ingin memastikan keamanan dan kemakmuran Malaysia berkekalan walaupun selepas beliau berundur Oktober ini.

Katanya beliau juga ingin mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan disiplin di kalangan anggota-anggota Barisan Nasional.

Rumah terbuka Tahun Baru PPP itu turut dihadiri lebih 500 orang termasuk warga tua dan kanak-kanak istimewa.

-- BERNAMA

MFZ AZZ MAI